



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN TENDER

NO. TENDER : PSUKPP/TENDER/5/2026

TAJUK : PERKHIDMATAN MEMBERSIH DAN MENJAGA KEBERSIHAN DI KOMPLEKS MASYARAKAT PENYAYANG, DEPOH KENDERAAN JABATAN DI DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG DAN BANGLO JAKSA, BATU FERRINGHI BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berkelayakan dan memenuhi syarat di bawah:

i) berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** yang masih sah tempoh lakunya di bawah kod bidang berikut:

221001 - Pembersihan Bangunan dan Pejabat; dan
221002 - Membersih Kawasan; dan
221003 - Mengangkat Sampah

ii) berdaftar dengan Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP); dan

iii) mempunyai sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate – TCC*) berstatus patuh dan masih sah.

2. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran tender ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri taklimat yang akan diadakan pada ketetapan seperti di bawah. Sebarang pertanyaan berhubung sesi taklimat, pihak syarikat boleh menghubungi **Encik Nik Hasbullah bin Nik Husain** di talian **04-650 5483**.

Tarikh : 15 Jun 2026 (Isnin)

Masa : 10.00 Pagi (Pendaftaran)

: 10.30 Pagi (Taklimat/ Lawatan Tapak)

Tempat : Banglo Jaksa, 1244 Jalan Tanjung Bunga, 11200 Tanjung Bunga, Pulau Pinang

Kehadiran : Hanya penama di dalam sijil KKM (Wakil tidak dibenarkan)

3. Tuan/Puan adalah diminta untuk membawa bersama dokumen-dokumen seperti senarai di bawah (dokumen asal dan satu (1) salinan fotostat) semasa sesi taklimat/lawatan tapak bagi tujuan semakan dan simpanan urus setia semasa sesi pendaftaran.

- i) **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)**
(dokumen asal dan satu (1) salinan fotostat);
 - ii) **Sijil Pendaftaran Syarikat Malaysia (SSM)**
(dokumen asal dan satu (1) salinan fotostat);
 - iii) **Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate* - TCC) Berstatus Patuh Dan Masih Sah** (dokumen asal dan satu (1) salinan fotostat);
 - iv) **Kad Pengenalan** penama yang hadir (Wakil tidak dibenarkan); dan
 - v) **Cop Syarikat.**

4. Dokumen tender ini boleh dibeli dengan harga **RM50.00** secara atas talian dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) mulai **15 Jun 2026 (Isnin)**. Hanya syarikat-syarikat yang **memenuhi syarat di para 1** serta **menghadiri taklimat** sahaja boleh membeli dokumen tender ini.

5. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan no. tender di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen tender tersebut mestilah sampai **sebelum atau pada 06 Julai 2026 (Isnin) jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Seksyen Perolehan, Paras 30 KOMTAR, 10503 Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas dari tarikh dan masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

6. **Bukti penghantaran tidak dianggap sebagai bukti penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan tawaran tender di atas adalah menjadi tanggungjawab petender terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

7. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **seratus lapan puluh (180) hari** dari tarikh peti tender ditutup. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>.

Setiausaha Kerajaan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang